

Sila baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful Kemalangan Diri Berkelompok. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Produk ini memberi pampasan kepada sekumpulan individu yang dilindungi sekiranya mereka mengalami kcederaan badan yang disebabkan oleh perkara ganas, tidak sengaja, luaran dan boleh dilihat.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Produk ini menggunakan konsep Syariah berikut:

- i) **Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan. Di bawah produk ini, manfaat yang dibayar dari Dana Takaful Am (“DTA”) adalah berdasarkan Hibah. Penama boleh menerima manfaat yang dibayar di bawah produk ini jika penama adalah seorang penerima di bawah Hibah bersyarat.
- ii) **Ju'alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah produk ini, peserta membenarkan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad (“Kami”, atau “Takaful Malaysia”) untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan DTA yang menghasilkan lebihan tersebut.
- iii) **Qard** merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah produk ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah sekiranya DTA mengalami defisit.
- iv) **Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah produk ini, peserta menderma sebahagian sumbangan kepada DTA untuk membantu peserta lain. Tabarru' berkuat kuasa apabila peserta menyumbang kepada DTA.
- v) **Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah produk ini, peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Produk ini melindungi:

- i) Kematian akibat kemalangan.
- ii) Keilatan kekal.
 - a) Keilatan menyeluruh sementara (perlindungan pilihan).
 - b) Keilatan separa sementara (perlindungan pilihan).
- iii) Rawatan perubatan & pembedahan (perlindungan pilihan).

Nota:

Tempoh perlindungan adalah selama (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil anda setiap tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ([TIPS](#)) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari www.pidm.gov.my/my)

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan tahunan yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada pilihan jumlah perlindungan, pekerjaan anda klasifikasi dan keperluan pengunderaitan kami.

Tertakluk kepada sumbangan minima RM50.00

5. Apakah caj dan yuran yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Yuran Wakalah	60% daripada sumbangan yang mana: (contoh: sumbangan kasar ialah $RM50.00 \times 60\% = RM30.00$) <ul style="list-style-type: none"> - Komisen – 25% - Perbelanjaan Lain – 35%
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% dari sumbangan dibayar

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

Beberapa terma dan syarat utama yang perlu anda ketahui ialah:

**a) Tanggungjawab Pendedahan
Kontrak Takaful Pengguna**

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat pernyataan yang salah dalam menjawab soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan berkenaan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Takaful Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4(1) daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan sebarang perkara yang anda tahu adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma terpakai dan apa-apa perkara yang seseorang yang munasabah dalam keadaan itu boleh dijangka tahu sebagai relevan, jika tidak, ia boleh mengakibatkan pengelakan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah berterusan sehingga masa kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda telah dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami mana-mana maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon Takaful ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

- b) **Perubahan Risiko** - anda mesti memaklumkan syarikat atau ejen anda secara bertulis terhadap sebarang perubahan penting yang berlaku sepanjang tempoh sijil supaya pindaan yang wajar akan disahkan ke dalam sijil anda.
- c) **Ekses** - adalah jumlah kerugian pertama yang perlu anda tanggung sekiranya berlaku tuntutan.
- d) **Had Umur** - Sijil ini tidak melindungi orang yang berumur di bawah enam belas (16) tahun atau lebih daripada enam puluh lima (65) tahun melainkan ia boleh diperbaharui sehingga usia tujuh puluh (70) tahun.

7. Apakah pengecualian utama bagi produk ini?

Pelan ini tidak melindungi kerugian seperti:

- i) sukan berbahaya – lompat ski air, polo, memburu, mendaki gunung yang memerlukan, tinju, gusti, perlumbaan dalam apa jua bentuk selain daripadi berjalan kaki.
- ii) perlumbaan, percubaan laju dan ujian kenderaan.
- iii) penyakit fizikal atau mental yang sedia ada.
- iv) bunuh diri / mencederakan diri sendiri.
- v) penyakit dan keuzuran.
- vi) mabuk oleh alkohol atau dadah.
- vii) kehamilan atau keguguran atau melahirkan anak.
- viii) peperangan dan peril yang hampir sama.
- ix) semasa melakukan sebarang perbuatan2. yang menyalahi undang-undang.
- x) risiko berkaitan nuklear.
- xi) sebarang kejadian lain yang dilarang oleh prinsip Syariah.

Nota:

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk sijil untuk senarai penuh pengecualian di bawah produk ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik sebahagian daripada sumbangan dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan.

9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Kemalangan Diri Berkelompok, anda boleh menghubungi kami atau mana-mana cawangan atau ejen kami.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Unit Khidmat Pelanggan (CSU)

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)]

Tingkat 27, Blok Annex,

Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

Peti Surat 11483,

50746 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300 88 252 385

Faks: 603-22740237

Emel: csu@takaful-malaysia.com.my

Laman Web: www.takaful-malaysia.com.my

11. Jenis jenis perlindungan lain yang sama dan boleh didapati.

Sila rujuk kepada cawangan atau ejen kami untuk mendapat maklumat mengenai perlindungan lain yang sama yang boleh didapati.

NOTA PENTING:**ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI KAMI SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan di dalam Helaian Penerangan Produk ini adalah sah pada April 2025.